

Tegakkan prinsip

B.H 04 JUN 1993

keadilan Islam sebenar

BERIKUT disiarkan ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Majlis Perasmian Persidangan 'Islam dan Keadilan' anjuran Ikim di Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur, pada Khamis, 3 Jun 1993.

ASSALAMUALAIKUM warahmatullah. Saya mengucapkan terima kasih kepada Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) dan Kementerian Kehakiman Malaysia kerana menjemput saya untuk merasmikan Persidangan 'Islam dan Keadilan' pada hari ini.

Semenjak beberapa abad selepas keruntuhan empayar Islam, dunia dikuasai oleh negara Barat yang bukan Islam. Mereka bukan saja berjaya menakluki hampir semua wilayah di dunia tetapi juga dapat menakluki fikiran dan menyemai nilai-nilai hidup dan falsafah mereka. Konsep dan prinsip keadilan mereka tersebar hingga dunia tertaksub dengannya dan tidak lagi menyoal akan baik buruknya konsep dan prinsip-prinsip itu.

Di masa yang sama, negara Barat ini menjadi kuat dari segi ketente-

kalangan orang Serb di Bosnia. Walaupun jelas demokrasi membawa perpecahan, keruntuhan 'rule of law' penindasan, kekejaman dan kemiskinan yang menyeluruh seperti yang berlaku di beberapa bekas negara Soviet dan Eropah Timur, namun demokrasi dijunjung tinggi.

Di waktu yang sama, Barat tidak segan silu membelakangkan prinsip-prinsip keadilan mereka sendiri jika perbuatan ini perlu bagi kepentingan mereka. Di Asia Barat, mereka kononnya bertindak untuk melindungi orang Kuwait daripada kezaliman Iraq. Kononnya mereka bertindak kerana berpegang kepada prinsip kemanusiaan dan keadilan tetapi apabila keganasan orang Serb ke atas orang Islam Bosnia jelas berlaku, mereka memberi seribu alasan kenapa mereka tidak ber-

ialah: Pertama, meletakkan seseorang pada jawatan atau tugas yang sesuai mengikut kemampuannya. Kedua, menjatuhkan hukuman atau membuat keputusan yang paling sesuai mengikut keadaan atau orang yang menerimanya. Ketiga, meletakkan harta atau kekayaan kepada orang yang benar-benar berhak memilikinya.

Dalam memilih seseorang untuk sebarang jawatan atau tugas, lebih-lebih lagi jawatan penting seperti hakim, Islam menentukan supaya orang yang paling layak sahaja dipertanggungjawabkan dengan tugas atau jawatan sedemikian. Sekiranya kita melantik orang yang bukan ahli dalam bidang berkenaan maka kita melakukan dua jenis kezaliman. Pertama, orang yang dilantik itu sendiri dizalimi kerana dia tidak akan dapat menyempurnakan tugasnya kerana tidak mempunyai kepakaran yang diperlukan. Dia akan merasa ter tekan, bosan, tidak yakin kepada dirinya dan tidak meminta melakukan tugasnya. Kezaliman yang kedua ialah terhadap

ma-sama dengan orang Islam tetapi apabila Ferdinand dan Isabella menakluki semula Sepanyol, orang Islam dan Yahudi yang tidak melarikan diri ke Afrika dibunuh atau

38-39. Allah s.w.t berfirman yang bermaksud:

"Dan tidak Kami ciptakan langit, bumi dan segala yang terdapat antara kedua-duanya untuk main-main. Kami tidak

raan dan ekonomi dan menguasai berbagai-bagai ilmu termasuk teknologi maklumat, yang semua ini membolehkan mereka menekan mana-mana pihak yang mencabar atau menentang prinsip serta nilai-nilai yang mereka sebarkan.

Demikianlah dengan konsep keadilan. Mereka bercakap mengenai 'the rule of law' atau pemerintahan berasaskan undang-undang, hak kemanusiaan dan demokrasi atau kuasa suara ramai tanpa mengambil kira bahawa ada undang-undang ciptaan manusia yang tidak adil, ada hak manusia yang keterlaluan dan ada suara ramai yang tidak waras. Demikian undang-undang Barat terlalu mengutamakan hak individu sehingga individu boleh membuat apa sahaja walaupun perbuatannya boleh mengancam ketenteraman dan keselamatan masyarakat.

Undang-undang antarabangsa pula dibentuk supaya memberi hak kepada yang kuat menindas yang lemah. Demikian juga dengan hak manusia yang disanjung begitu tinggi sehingga kegiatan kumpulan-kumpulan yang menggunakan kebebasan demokrasi untuk mengancam dan menggugat masyarakat sehingga tidak aman dan maju diberi perlindungan. Demokrasi dan suara ramai seperti di

tindak melawan orang Serb. Sebenarnya mereka bertindak di Kuwait kerana ingin melindungi sumber minyak mereka. Oleh kerana tidak ada apa-apa kepentingan di Bosnia, mereka sanggup membebarkan orang Serb membunuh, mengganas dan menindas orang Islam Bosnia.

Prinsip sebenar yang dipegang oleh Barat dan sebahagian besar daripada tamadun dunia sekarang ialah 'kekuatan adalah kebenaran' atau 'mighty is right'. Oleh kerana kuasa-kuasa Barat adalah kuat, maka apa sahaja yang dilakukan oleh mereka adalah adil. Oleh kerana orang Serb kuat maka rampasan wilayah Islam oleh mereka dihalalkan. Dan susulan daripada itu, oleh kerana negara Islam dan orang Islam di mana-mana sahaja adalah lemah maka segala perbuatan mereka adalah tidak benar. Percubaan orang Islam untuk menegakkan semula konsep keadilan seperti yang disarankan oleh agama Islam dikecam oleh Barat sebagai percubaan untuk menegakkan semula cara-cara pemikiran yang sudah lapuk. Bahayanya ialah dalam kekecewaan dengan kelemahan dan kegagalan kita, orang Islam akan bertindak tidak seperti yang diajar oleh agama kita. Kerana kecewa, kita mungkin mengga-

nas dan melakukan jenayah yang sama seperti dilakukan oleh musuh kita. Dengar itu maka terbukti benarlah dakwaan orang Barat. Inilah yang sedang berlaku di kalangan ekstrimis Islam.

Sejarah banyak bukti mengenai keadilan Islam. Apabila orang Rome menakluki Palestin, orang Yahudi diusir sehingga mereka terpaksa menjadi orang buangan di seluruh dunia, apa yang dikenali sebagai 'the Jewish diaspora'. Sebaliknya apabila Khalifah Umar Ibn Khattab menakluki Palestin, orang Kristian dan Yahudi dibenarkan tinggal di sana. Demikian juga apabila Khalifah Salahuddin al-Ayubi menakluki Palestin, orang Islam terselamat. Hari ini apabila Yahudi merampas Palestin dengan bantuan Barat orang Islam ditindas, diusir dan dibunuh setiap hari, termasuk kanak-kanak.

Demikian juga di Sepanyol ketika orang Islam memerintah selama 800 tahun. Dalam masa itu, orang Kristian dan Yahudi kekal dengan agama mereka dan tinggal bersa-

disiksa sehingga menerima agama Kristian. Sebab itu sementara selepas 800 tahun orang Islam memerintah, masih terdapat orang Yahudi dan Kristian di Sepanyol tetapi apabila Kristian memerintah tidak ada seorang pun orang Islam yang tinggal.

Di Soviet Union ketika pemeritahan komunis, Islam ditindas sehingga tidak ada siapa berani mengakui mereka beragama Islam. Demikian juga di Albania di zaman pemerintahan Marxist.

Dan sekarang kita lihat ketidakadilan yang jelas di Bosnia. Sebenarnya di hampir seluruh dunia orang Islam ditindas walaupun dunia mendakwa bahawa pegangan mereka di zaman ini ialah kepada keadilan dan 'rule of law'.

Sebaliknya dalam Islam, agama yang juga merupakan cara hidup yang lengkap, keadilan adalah perkara utama yang jelas. Dalam Islam ditegaskan bahawa tujuan utama alam ini dijadikan adalah untuk menegakkan kebenaran dan keadilan. Al-Quran telah menegaskan dalam Surah al-Hijr (15) ayat 85, maksudnya:

"Dan tidak Kami ciptakan langit, bumi dan segala yang terdapat antara kedua-duanya, kecuali untuk keadilan."

Begitu juga dengan surah ad-Dukhaan (44) ayat

menciptakan kedua-duanya melainkan untuk keadilan tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahuinya."

Ayat-ayat di atas dengan jelas menyatakan tujuan sebenar bagi kejadian bumi dan langit ini, bahkan seluruh alam, ialah untuk menegakkan keadilan dan menghapuskan kezaliman dan kejahatan. Dalam surah ad-Dukhaan (44), ayat 38-39 yang disebut di atas, Allah sengaja menyatakan yang ciptaan alam ini tidak dilakukan untuk main-main. Alam ini tidak terjadi dengan begitu sahaja tanpa sebab. Ayat ini sebenarnya menafikan bahawa kejadian alam ini tidak bertujuan. Sebaliknya alam ini dijadikan untuk menegakkan kebenaran dan keadilan.

Sekiranya kita menerima hakikat bahawa alam ini dijadikan untuk menegakkan keadilan, maka kita sebagai manusia yang termasuk sebagai salah satu daripada kejadian atau ciptaan Tuhan, harus juga menegakkan keadilan. Bahkan menegakkan keadilan adalah dikira sebagai salah satu daripada tugas atau tanggungjawab kita sebagai manusia.

Dalam Islam keadilan itu sendiri bermakna meletakkan sesuatu pada haknya. Tiga aspek keadilan yang paling penting dalam konteks takrif ini

orang atau masyarakat yang seharusnya mendapatkan perkhidmatan daripada penjawat jawatan tadi. Mereka dizalimi kerana perkhidmatan yang diharapkan tidak akan terlaksana.

Dalam memilih pemimpin atau seseorang untuk jawatan penting, Rasulullah s.a.w pernah bersabda yang bermaksud: "Melantik seseorang kepada sesuatu jawatan (penting) sedangkan ada orang lain yang lebih layak untuk jawatan itu, adalah mengkhianati Allah, mengkhianati Rasulnya dan orang yang beriman." Ini bermakna bahawa dalam perantaraan itu, suatu usaha yang rapi harus dilakukan untuk mencari calon yang paling layak dan sesuai di kalangan orang yang ada supaya kita tidak berlaku zalim kepada diri kita sendiri yang melantik, kepada yang dilantik dan kepada masyarakat yang mengharapkan perkhidmatan yang paling baik daripada perantaraan itu.

Dari segi menjatuhkan hukuman juga, Islam telah meletakkan berbagai-bagai panduan melalui al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w supaya segala hukuman yang dijatuhkan hendaklah adil. Islam menetapkan supaya hakim itu dipilih daripada

Keadilan Barat

DARI MUKA 10

kalangan mereka yang paling layak dari segi ilmu, kemampuan, kebijaksanaan serta ketakwaan. Cara yang harus digunakan hendaklah membolehkan segala maklumat didapatkan, ditapis dan ditimbang sehingga tidak ada sebarang kecurigaan untuk menjatuhkan hukuman. Orang yang menjadi saksi hendaklah juga meletakkan keadilan di atas segala kepentingan lain, walaupun kebenaran yang disaksikan itu boleh menjejaskan atau merugikan dirinya sendiri, keluarga atau sahabatnya.

Membuat keputusan, sama ada dalam aspek sosial, politik, ekonomi mahupun pentadbiran dan pengurusan, juga hendaklah mencerminkan keadilan. Keputusan yang boleh membawa keburukan kepada mana-mana pihak adalah keputusan yang zalim.

Keadilan juga dituntut dalam mengagihkan kekayaan dalam bentuk harta atau pun peluang untuk mengumpul harta. Dalam hal ini, selain pengagihan harta secara langsung, pengagihan peluang untuk mengumpul harta juga perlu kepada pendidikan, peluang perniagaan dan peluang-peluang lain.

Islam menuntut keadilan bukan daripada kalangan pemimpin atau pemerintah sahaja tetapi di kalangan seluruh masyarakat asalkan wujud salah satu daripada tiga keadaan di atas. Dengan itu, jika orang ramai diberi hak untuk memilih pemimpin, mereka hendaklah memilih orang yang layak dan berkebolehan.

Segala rasuah seperti menuntut sesuatu bagi diri sendiri atau pihak tertentu sebagai balasan kepada sokongan yang diberi adalah bertentangan dengan keadilan Islam.

Kepincangan masyarakat di dunia hari ini adalah kerana masyarakat antarabangsa tidak mengamalkan prinsip keadilan. Masyarakat antarabangsa begitu zalim terhadap golongan lemah. Sekali lagi contoh Bosnia boleh digunakan. Puak Islam yang lemah tidak dibenarkan mendapat senjata walaupun hanya untuk mempertahankan diri. Puak Serb yang sudah kuat dibenar mendapat bekalan senjata lagi. Dan sekarang kuasa besar bersetuju memberi wilayah Islam yang dirampas oleh orang Serb kepada mereka tanpa memperdulikan hak orang Islam.

Bagi kuasa besar, Serb yang kuat adalah benar dan orang Muslim yang lemah adalah salah dan tidak berhak. Namun kuasa-kuasa Barat ini masih mendakwa diri mereka adalah benar dan adil. Apakah dapat kita menerima konsep dan prinsip keadilan Barat ini sebagai asas keadilan bagi masyarakat kita? Tidakkah perlu kita menolak konsep dan prinsip keadilan mereka yang bertentangan dengan keadilan Islam seperti dihuraiakan sebentar tadi?

Sejarah perundangan membuktikan bahawa proses mengkanunkan undang-undang dimula dan dilaksanakan oleh orang Islam. Dengan proses ini undang-undang Islam

Kepincangan masyarakat di dunia sekarang kerana masyarakat antarabangsa tidak mengamalkan prinsip keadilan. Masyarakat antarabangsa zalim terhadap golongan lemah. Sebagai contoh Bosnia, puak Islam tidak dibenar untuk mendapatkan senjata walaupun untuk mempertahankan diri

menjadi lebih tepat dan teratur. Di samping itu, oleh kerana mereka yang mengkanunkan undang-undang Islam adalah manusia biasa yang tidak sunyi daripada kecacatan, pembetulan dan penyesuaian hendaklah dilakukan kepada kanun undang-undang yang diasaskan kepada al-Quran dan Hadis akan sesuai dengan keadaan di sepanjang zaman.

Jenayah berubah di sepanjang zaman. Di zaman moden ini terdapat jenayah dagangan atau 'commercial crime' yang begitu halus dan kompleks sehingga sukar menentukan kesalahan yang dilakukan. Jika tidak ada satu usaha untuk mengenal-

pasti jenayah ini dan menentukan hukuman yang sesuai dengan ajaran agama maka banyaklah jenayah yang akan melanda masyarakat. Demikian juga dengan beratus-ratus jenayah lain muncul di zaman ini. Usaha perlu dibuat supaya sistem perundangan negara tidak bercanggah dengan konsep dan prinsip keadilan dalam Islam.

Dalam Islam banyak ke-longgaran diberi kerana mengambilkira keadaan di sekeliling. Dalam semua ibadat terdapat ke-longgaran ini. Dengan ini amalan cara hidup Islam tidaklah menjadi beban sehingga menyusah dan memudaratkan orang Islam dan menyebabkan

terbukti palsu

kan Islam. Paksaan supaya menerima agama Islam dan undang-undang untuk orang Islam, rampasan harta dan penindasan tidak dilakukan oleh pemerintah Rasulullah dan Khalifah-khalifah Al-Rashidin. Adakalanya hukuman yang dijatuhkan ke atas orang bukan Islam diasaskan kepada undang-undang agama mereka. Oleh kerana adilnya pemerintahan Islam maka akhirnya ramai rakyat bukan Islam memeluk Islam dan meletakkan diri mereka di bawah undang-undang Islam.

Pemerintahan yang diterajui oleh orang Islam di Malaysia yang mempunyai rakyat dan penduduk berbilang agama hendaklah membuktikan kepada semua pihak, Islam dan bukan Islam, bahawa pemerintahan mengikut konsep dan prinsip-prinsip keadilan Islam adalah benar-benar adil. Jika hari ini, terdapat gambaran bahawa Islam keterlaluan atau kejam sebabnya bukanlah ajaran Islam itu kejam tetapi ada orang Islam yang, apabila berkuasa, menjadi angkuh dan tidak mengikut ajaran al-Quran dan Hadis dan contoh pemerintahan Rasulullah dan Khalifah-khalifah yang terkenal dalam sejarah Islam. Orang Islam yang berkuasa, hakim dan pentadbir Islam di Malaysia tidak harus angkuh kerana berkuasa dan melupakan ajaran Islam mengenai keadilan. Amatlah penting pemerintahan yang diterajui oleh orang Islam di Malaysia membuktikan bahawa pemerintahan me-

reka adil kepada semua pihak, tidak berat sebelah dan tidak menindas.

Adalah menjadi tanggungjawab semua orang Islam untuk membetulkan imej Islam yang tidak baik yang disebabkan oleh kumpulan-kumpulan penyeleweng ekstrimis yang telah memberi gambaran yang tidak baik kepada agama Islam dan penganutnya.

Di samping itu, kita tidak boleh lupa bahawa bagi dunia sekarang ini kekuatan dianggap kebenaran. Negara-negara Islam termasuk Malaysia perlu mengejar kekuatan. Untuk ini perkara yang utama dan penting ialah menegakkan pentadbiran yang adil dan cekap supaya kemajuan dicapai sehingga setaraf dengan negara-negara maju yang lain. Apabila sudah maju maka barulah persiapan dapat dibuat untuk menaikkan keupayaan pertahanan negara menjadi sama dengan negara-negara maju dalam semua bidang. Ini adalah wajib kerana telah disebut dalam al-Quran, Surah Al-Anfal, Ayat 60 yang bermaksud:

"Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka kekuatan apa sahaja yang kamu sanggupi dan dari kuda-kuda yang ditambat untuk berperang (yang persiapan itu) kamu menggentarkan musuh Allah, musuhmu dan orang-orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya, sedang Allah mengetahuinya."

Jika hari ini, negara-negara tertentu dan bangsa-bangsa seperti Serb dan

Yahudi berani dan dapat menindas dan mengganas, sebabnya ialah oleh kerana negara-negara Islam semuanya lemah. Ajaran al-Quran berkenaan persiapan untuk pertahanan tidak dihiraukan, Pemerintahan mereka kerap tidak adil dan tidak berjaya mewujudkan keamanan dan ketenteraman yang diperlukan untuk pertumbuhan ilmu, kecekapan dan kekayaan, yang mana semuanya ini perlu untuk kekuatan dan kehormatan.

Justeru itu, sebelum kita umat Islam menyalahkan pihak lain semata-mata, kita harus soal diri kita sendiri tentang amalan ajaran agama kita, terutama daripada segi menegakkan pemerintahan yang adil. Jika keadilan Islam tidak terbukti dan sukar diterima umum, kesalahannya adalah juga pada diri kita.

Sebab itu, amatlah penting bukan sahaja mempercakapkan keadilan Islam tetapi membuktikan bahawa konsep dan prinsip-prinsip keadilan dalam Islam memang dapat menegak kebenaran dan mewujudkan masyarakat yang bahagia.

Saya berharap persidangan ini berjaya menjelaskan konsep dan prinsip-prinsip keadilan dalam Islam supaya keraguan dan imej yang buruk terhadapnya dapat dihapuskan dan dunia dapat menyedut daripada keadilan ala-Islam unsur yang boleh mengatasi ketidakadilan yang sedang berlaku hasil daripada keangkuhan kuasa-kuasa dunia sekarang.

mereka tersisih daripada aliran zaman.

Hari ini orang Islam terdapat di mana-mana sahaja dan tidak hanya di negara Islam. Di kebanyakan negara mereka menjadi puak minoriti. Sebagai minoriti mereka tidak dapat melaksanakan undang-undang Islam yang diamalkan oleh negara-negara yang dikuasai seratus peratus oleh orang Islam.

Di samping itu amatlah penting pemerintahan oleh orang Islam diakui adil oleh semua pihak, termasuk orang bukan Islam. Sejak dari zaman Rasulullah lagi pemerintahan Islam di Makkah dan kemudian di Mekah bersikap adil kepada orang bu-